

SMK Pantai IBWS Pecah Dua Rekod Hari Pertama Olahraga MSSWPL 2018



Labuan : Dua atlet SMK PANTAI iB World School mencipta sejarah tersendiri selepas mencipta dua rekod baru pada hari pertama Kejohanan Sukan dan Olahraga MSSWPL di Kompleks Sukan Labuan.

Dua pelajar tingkatan 3 SMK Pantai itu ialah Andrea albertus voo mencatat rekod dalam acara lompat tinggi dengan catatan 1.46 meter memecahkan rekod sendiri 1.45 meter tahun 2017.

Manakala rekod kedua dicipta oleh Amar Abdullah Yaacub dalam acara 100 meter kategori Lelaki 15 tahun dengan catatan 11.15 saat berbanding rekod Awangku Mohd Hamirulizam 11.30 saat yang dibuat pada tahun 2010.

Pada hari pertama SMK Pantai memperoleh 5 Emas bersaing dengan SMK Mutiara sekolah sukan negeri dengan 6 Emas dan

SMK Labuan ketiga dengan 4 emas.

Emas

Andrea albertus voo lompat tinggi p15
Nurathirah alia omar lempar cakera p18
Amar abduallah yaacub 100m l15
Nursafiah arfian 100m p18
Aiman nazzwan aqra amnan 1500m l15

Perak

Kamarul iqhwan 1500m l18
Dahidul darwisy rejam lembing l15
Tahrina hashim 100m p18

Gangsa

Zaryssa awang danial 100m p15
Mohd zami mazlan lontar peluru L18
Cyra cyril lompat tinggi p15

Manakala hari kedua kejohanan SMK Pantai IBWS telah memintas kedudukan pingat emas dengan menambah 3 lagi pingat emas menjadikan 8 emas mendahului carta dan kedudukan kedua SMK Mutiara dengan 7 Emas.

Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bermula 28hb Mac dan berakhir pada 31 Mac 2018.

Disediakan

Sahar Mison

Pengetua SMKP IBWS

Sekolah Menengah St. Anthony Berjaya Meningkatkan Keputusan SPM 2017



15 Mac 2018, Keputusan SPM tahun 2017 telah diumumkan oleh Tuan Raisin Bin Saidin, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan W.P.Labuan bertempat di Pusat Kokurikulum Kampung Ganggarak W.P.Labuan. Dalam pengumuman kali ini SM. St. Anthony telah berjaya meningkatkan keputusan kepada 92.41% berbanding 82.14% pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 10.27% . Gred purata sekolah juga telah meningkat dari 5.70 kepada 5.49.

Pengetua sekolah Pn Dona Undoh menyatakan kejayaan ini adalah hasil usaha, komitmen dan sikap dedikasi para guru dalam mendidik dan membimbing para pelajar di sekolah ini, serta sokongan dan keprihatinan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka. Di samping perancangan yang rapi serta program peningkatan akademik yang dilaksanakan di peringkat panitia dan sekolah. Beliau mengucapkan

setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan padu pihak Jabatan Pendidikan W.P.Labuan yang diterajui oleh Tuan Raisin Bin Saidin dalam memberikan khidmat bantu kepada pihak sekolah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di bawah pimpinan Encik Chia Sia Theng selaku Yang Dipertua, sangat komited dalam menyokong semua program kecemerlangan akademik sekolah termasuklah menyumbangkan RM10,000 bagi melengkapkan keperluan makmal sains sekolah. Begitu juga pihak Lembaga Pengurusan Sekolah yang sangat prihatin dengan pembangunan fizikal sekolah dan juga menyokong program akademik dengan menyumbangkan RM5000 bagi keperluan makmal sains dan membayar sebahagian sewa mesin fotosat bagi keperluan percetakan. Pengetua sekolah juga turut berterima kasih atas sokongan Bapa Angkat Korporat Datuk Harris Bin Hj. Annuar Tan, CEO ASB, pihak NGO dan bekas pelajar SAS (ALUMNI) yang sentiasa prihatin dengan keperluan sekolah. Semoga permuafakatan strategik yang baik ini akan berteruskan.



Pelajar Cemerlang SPM SM St. Anthony : Dari kiri : Dy Nurvivisharipah , Gilbert, Chia Sia Theng (YDP PIBG), Doan (Pengetua), Amanda, Khor Hui Ying dan Colin Seet Ling Fung

Tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar yang telah lulus dengan cemerlang iaitu Gilbert Sipaun JR (1A+, 2A, 3A-, 1D), Amanda Ker (2A+, 4A, 2B+ dan 1C), Colin Seet Ling Fung (2A, 3A-, 1B+, 1C dan 2D), Dy Nurvivisharipah Binti Awang Jufari (1A, 4A- dan 3B+) , Khor Hui Ying (2A, 3A-, 1B+, 1B, 1C dan 1D) dan Nor Atiqah Binti Mohd Yasid (5A-, 2B+ dan 1C+). Tahniah kepada semua ibu bapa yang meraih kejayaan anak-anak mereka di SAS pada hari ini. Sesungguhnya murid-murid ini telah mencapai kemenjadian diri secara holistik iaitu cemerlang akademik, mempunyai sahsiah diri yang terpuji, berbakat dalam aktiviti kokurikulum dan mempunyai potensi diri dari segi kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi.

Sekolah ini telah berjaya meningkatkan keputusan dalam 7 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu 97.47% , Pendidikan Islam 100%, Pendidikan Moral 80%, Sejarah 93.67%, Mathematics 91.14%, Science 95.45%, Ekonomi Asas 76% dan Kesusteraan Melayu 50%. Terdapat 4 mata pelajaran yang berjaya mengekalkan keputusan 100% lulus dan meningkatkan kualiti GPMP iaitu Geografi, Pendidikan Seni Visual, Physics dan Biology. Kejayaan ini telah meletakkan semula SM St. Anthony standing dengan sekolah-sekolah lain di W.P.Labuan yang juga mencapai peratus lulus 90% ke atas seperti SMK Labuan, SMK Pantai IBWS dan SMK Taman Perumahan Bedaun. Semoga SM St. Anthony akan terus menjadi salah sebuah sekolah pilihan ibu bapa di Wilayah Persekutuan Labuan.



Motivasi dari Tuan Raisin Bin Saidin , Pengarah Pendidikan W.P.Labuan sebelum SPM telah berjaya mencatat keputusan 100% lulus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Akhir sekali Pengetua sekolah memuji kepimpinan pengurusan tertinggi sekolah iaitu Puan Leberie @ Liberie H Dalus selaku Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum, Encik Yee Choon Hian selaku Penolong Kanan HEM, Encik Kuanfuh @ Jackson Bin Tondoliu selaku Penolong Kanan Kokurikulum serta kepimpinan pertengahan (Middle Leadership) iaitu Puan Siti Rahimah Binti Suhaimi (GKMP Votek), Cik Nor Rizan Ab Rajab (GKMP Kemanusiaan), Encik Jayastine A. John (GKMP Bahasa) dan Puan Kastini Kassim (GKMP Sains dan Matematik) , semua ketua panitia , guru-guru dan staf sokongan sekolah yang sentiasa konsisten dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam semua aspek kemenjadian murid. Semoga SM St. Anthony akan terus melangkah ke hadapan dengan yakin dan cemerlang. SAS MOVING FORWARD WITH CONFIDENCE AND EXCELLENCE

Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip

Mesyuarat Agung Tahunan PIBG SMK Lajau Kali Ke-17 Tahun 2018



LABUAN – 10 MAC 2018 – Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Lajau Kali Ke-17 Tahun 2018 telah selamat dirasmikan oleh Yang Berbahagia , Puan Hjh. Fauziah binti Datuk Hj. Mohd Din, ADK pada 10 Mac 2018 bertempat Dewan Mini SMK Lajau, WP Labuan tepat jam 9.45 pagi disaksikan Pengetua SMK Lajau Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip beserta barisan AJK PIBG sesi 2018/2019 dan semua hadiran yang hadir.

Mesyuarat Agung Tahunan PIBG ini dijalankan secara rutin iaitu pada setiap tahun adalah bertujuan untuk

mengeratkan silaturahmi antara ibu bapa dan guru serta komuniti sekitarnya, bertukar-tukar pandangan serta mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang berkaitan dengan sekolah. Bahkan, program ini merupakan salah satu program di bawah inisiatif #62 Perluasan Pelaksanaan Penglibatan Ibu Bapa Dan Komuniti Dalam Ekosistem (PIBK) Sekolah Tahun 2018 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Tepat jam 7.30 pagi, ibu bapa dan guru telah membuat pendaftaran di luar Dewan Mini SMK Lajau. Semua ibu bapa dan guru menantikan kedatangan perasmi dan tetamu jemputan. Tepat jam 8.35 pagi, ketibaan perasmi iaitu Puan Hjh. Fauziah binti Datuk Hj. Mohd Din, ADK telah disambut oleh pengetua SMK Lajau disamping barisan penolong kanan serta guru kanan bidang sambil diperhatikan oleh para ibu bapa dan guru.



Mohd Jamatin (tiga dari kiri) En Tapa Jani YDP PIBG SMK Lajau (Empat dari Kiri) dan barisan pentadbir dan AJK

PIBG

Mesyuarat Agung telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Zahari bin Awang, diikuti nyanyian lagu Negaraku dan Lagu Wilayah Maju dan Sejahtera. Majlis diteruskan dengan ucapan Naib Yang Dipertua PIBG SMK Lajau iaitu Puan Sarina binti Shaari dan diikuti ucapan pengetua SMK Lajau iaitu Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip. Pengetua dalam ucapannya sempat menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua ibu bapa yang hadir dan perasmi serta semua tetamu jemputan.

Ucapan oleh Yang Berbahagia , Puan Hjh. Fauziah binti Datuk Hj. Mohd Din, ADK selaku Bapa Korporat SMK Lajau tahun 2018 menyusul selepas ucapan pengetua. Beliau terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak sekolah dan PIBG kerana sudi menjemput beliau sebagai perasmi. Dalam ucapannya, beliau berharap semua ibu bapa yang hadir pada hari ini dapat bekerjasama dengan pihak sekolah bagi memajukan dan mengubah suasana sekolah ke arah yang lebih baik serta kondusif bagi menarik minat semua pelajar ke sekolah. Bahkan, beliau berharap suatu hari nanti anak-anak SMK Lajau akan dapat mengharumkan nama sekolah dan Labuan di persada antarabangsa. Perasmi juga memuji sikap Pengetua SMK Lajau yang dilihat peka dengan keadaan SMK Lajau dan dia mengharapkan beberapa tindakan perlu diambil dalam membaik pulih infrastruktur di SMK Lajau secepat mungkin.

Selain itu, perasmi juga memandang serius tentang permintaan pihak sekolah untuk membaik pulih Dataran Gemilang dan bersetuju dengan pihak sekolah yang ingin membina pondok bacaan. Hal ini kerana, beliau sangat meminati aktiviti membaca buku dan ianya sangat penting bagi pelajar sekolah bagi menambah ilmu. Bahkan, usaha pihak sekolah untuk menambah bilangan pokok di sekolah

disambut baik oleh beliau. Hjh. Fauziah turut mengajak semua ibu bapa bersama-sama membantu mengenal pasti kecenderungan minat dan kemahiran anak – anak bermula sejak kecil lagi. Beliau berpendapat seseorang pelajar perlulah seimbang dari segi akademik dan sahsiah bagi menghadapi tahun mendatang yang pastinya lebh mencabar. Akhir sekali, perasmi mengharapkan agar mesyuarat ini mendapat kata sepakat dari semua pihak.

Beliau selepas itu merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Lajau Kali Ke-17 Tahun 2018 dan menyaksikan persembahan multimedia sebagai tanda rasmi sudah mesyuarat tahun ini. Kemudian, penyampaian cenderahati kepada perasmi telah disampaikan oleh pengetua SMK Lajau dan disaksikan oleh semua hadirin yang berada di dalam dewan.

Seterusnya, majlis penanaman pokok kelapa menyusul selepas itu. Aktiviti ini merupakan acara khas VIP yang dijalankan di Padang Bola SMK Lajau. Acara ini melibatkan penanaman pokok kelapa oleh Puan Hjh. Fauziah binti Datuk Hj. Mohd Din, ADK Bapa Korporat SMK Lajau, ASP Lee Chee Yong Pegawai Perhubungan SMK Lajau, Encik Mohamad Bin Jakob Ketua Kampung Lajau, Encik Mohd Jamatin Bin Abd Latip pengetua SMK Lajau, Puan Sarina binti Shaari Naib Yang Dipertua PIBG SMK Lajau sesi 2018/2019 serta disaksikan oleh barisan penolong kanan dan guru kanan bidang.



Sementara itu, di dalam dewan berlangsung pula ceramah daripada Dr. Sabbitan A/L Balkrishnan daripada Unit Psikiatri Dan Kesihatan Mental Hospital Labuan berkaitan dengan ceramah keibubapaan. Selepas itu, ceramah daripada Jabatan Kesihatan Awam W.P Labuan iaitu Talasemia disampaikan oleh Dr. Tengku Intan Najwa bin Tengku Azmi.

Mesyuarat Agung dimulakan dengan ucapan ringkas Naib Yang Dipertua PIBG SMK Lajau sesi 2018/2019 seterusnya membentangkan agenda mesyuarat satu persatu. Proses perlantikan ahli jawatan kuasa PIBG sesi 2018/2019 hanya melibatkan pemilihan jawatan Yang Dipertua PIBG. Akhirnya, semua sebulat suara memilih dan mengamanahkan Encik Tapa bin Jani sebagai Yang Dipertua PIBG yang baharu bagi sesi 2018 / 2019. Gabungan AJK baharu dan lama telah dipilih dan semoga tanggungjawab yang diamanahkan dapat disempurnakan dengan jayanya. Dengan perlantikan tersebut, maka sempurnalah Mesyuarat Agung

Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Lajau Kali Ke-17 Tahun 2018. Ucapan pengguhan oleh YDP PIBG 2018/2019 yang baharu tepat pada jam 12. 57 tengahari dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Pelaporan mesyuarat disediakan oleh Cik Nur Khuzaimah Zakaria.

Kok Hui Taou Murid Terbaik SPM WP Labuan Dengan 11A+



SMK Labuan berjaya mencapai peningkatan dalam peratus lulus SPM 2017 iaitu 92.77% berbanding 88.69% pada tahun 2016.

Seramai 235 calon menduduki SPM 2017 iaitu calon paling ramai berbanding sekolah-sekolah lain di WP Labuan.

Gred Purata Sekolah (GPS) menurun sedikit kepada 4.97 berbanding 4.92 pada tahun 2016.

Seramai 4 orang murid SMK Labuan mendapat semua A daripada 13 orang murid seluruh WP Labuan yang mendapat semua A. Murid-murid SMK Labuan menduduki kedudukan pertama, kedua, keempat dan keenam dalam senarai 13 orang murid cemerlang SPM WP Labuan.

Kok Hui Taou merupakan murid terbaik SPM WP Labuan apabila mencapai keputusan cemerlang tertinggi A+ dalam semua 11 mata pelajaran yang diambilnya iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Prinsip Perakaunan, Fizik, Kimia, Biologi dan Pendidikan Muzik.



Kok Hui Taou :
Pelajar terbaik SPM
2017 Labuan

Kok Hui Taou diwakili ibunya kerana dia sedang melanjutkan pelajaran peringkat A Level di Yayasan UUM di Kuala Lumpur sejak bulan Januari yang lalu.

Kok juga merupakan murid yang mencapai skor tertinggi Kuiz Kimia Kebangsaan tahun 2017 dan salah seorang daripada wakil SMK Labuan yang menjadi johan National Science Challenge 2016 yang membawa mereka ke Sweden mewakili Malaysia.

Murid kedua terbaik SPM WP Labuan iaitu Calvin Au Ka Wai mencapai 8A+ dan 2A, diikuti murid keempat terbaik SPM WP Labuan iaitu Yap Kang Hong yang mencapai 6A+ 3A dan 1A-, serta murid keenam terbaik SPM WP Labuan iaitu Tan Yong Li yang mencapai 5A+ dan 5A.

Seramai 13 orang murid mencapai sekurang-kurangnya 6A dalam mata pelajaran yang diambil.

Pengetua En Ismail bin Abdullah menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru yang mendidik murid-murid dengan penuh dedikasi dan kesabaran, ibu bapa yang memberi dorongan dan sokongan kepada anak-anak, PIBG yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan kewangan untuk program-program sokongan akademik, kokurikulum dan sahsiah, serta semua pihak yang membantu sekolah secara langsung atau tidak langsung.

SMK Labuan juga berazam untuk mencapai prestasi lebih baik dalam SPM 2018 dengan strategi yang lebih teratur dan komitmen yang berterusan. Sekolah akan memberi tumpuan kepada pencapaian murid-murid cemerlang , di samping tidak melupakan pencapaian murid-murid sederhana dan lemah kerana SMK Labuan berpegang kepada tema "Setiap Murid Bernilai"



Sekolah Menengah ST. Anthony W.P. Labuan Berjaya Mengadakan Mesyuarat Agung

PIBG



10 Mac 2018-Labuan, Sabtu lepas, SM St. Anthony telah mengadakan Mesyuarat PIBG bagi tahun 2016/2017 dan membuat pemilihan bagi AJK baru tahun 2018/2019, di Dewan Terbuka SM St. Anthony. Seramai 127 orang Ibu bapa telah menghadiri diri ke mesyuarat tersebut dan difahamkan pada hari tersebut juga hampir 11 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan juga mengadakan Mesyuarat Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG). Selain itu dua buah sekolah jiran juga telah mengadakan mesyuarat agung PIBG pada hari yang sama.

Bermula jam 7.30 pagi kaunter pendaftaran telah dibuka kepada ibu bapa dan guru. Sebelum bermulanya mesyuarat tersebut satu sesi ceramah kesihatan berkaitan dengan penyakit Thalasemia dari Jabatan Kesihatan Labuan telah disampaikan oleh Dr Tengku Intan Najwa Binti Tengku Azmi . Para ibu bapa digesa agar memberikan kebenaran kepada pihak Jabatan Kesihatan untuk membuat ujian saringan kepada anak-anak mereka yang berada di tingkatan empat pada tahun ini.

Mesyuarat PIBG pada kali ini telah dirasmikan oleh yang

berbahagia Puan Maimoon Binti Matnoh selaku Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, JPN W.P Labuan . Dalam ucapan perasmian beliau memuji sokongan padu PIBG SM St. Anthony kepada pihak sekolah. Usaha ini sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2015) untuk meningkatkan penglibatan dan peranan ibu bapa dan komuniti di sekolah. Puan Maimoon juga menyatakan tugas dan peranan PIBG di sekolah termasuklah membantu pihak sekolah menambah kewangan bagi meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.



Puan Maimoon Binti Hj. Matnoh (Tengah) menghadiri dan merasmikan mesyuarat agung PIBG SM St. Anthony pada 10 Mac 2018

Majlis turut dihadiri oleh Pengetua SM St. Anthony Puan Dona Undoh, YDP PIBG Encik Chia Sia Theng, NYDP Encik Jeffery Philimon, Bendahari Dr. Baby Chong Vui Hiong, Setiausaha Puan Ismawane Ismail , Penolong-penolong Kanan, AJK PIBG bagi tahun 2016/2017 serta guru-guru dan para Ibu bapa .

Pengetua sekolah Puan Dona Undoh dalam ucapan beliau,

turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak PIBG yang sentiasa menyokong dan membantu pihak sekolah dari segi sumber kewangan bagi melaksanakan semua aktiviti kurikulum, kokurikulum dan juga hal ehwal murid. Sebagai sebuah sekolah bantuan modal, PIBG memainkan peranan utama dalam membantu pihak sekolah dari segi kewangan untuk menjayakan aktiviti dan program pendidikan di sekolah ini. Beliau juga berterima kasih atas sumbangan peribadi dalam bentuk kewangan oleh YDP Encik Chia Sia Theng ,begitu juga Dr Baby Chong yang menaja hadiah program Highly Immersive Programme (HIP) khas untuk bahasa Inggeris. Begitu juga kepada AJK dan para ibu bapa yang sentiasa prihatin dengan keperluan sekolah sama ada dari segi sumbangan moral mahupun material.

Pihak sekolah juga memberikan sijil penghargaan kepada semua AJK PIBG tahun 2016/2017 sebagai tanda penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sokongan padu PIBG kepada pihak sekolah.

Encik Chia Sia Theng dalam ucapan beliau menyeru kepada para ibu bapa agar tampil ke hadapan membantu pihak sekolah dalam apa juga bentuk sumbangan. Beliau sekali lagi mendapat kepercayaan dari pada para ibu bapa dan telah dipilih sebagai YDP PIBG bagi sesi 2018/2019.

Berikut ialah AJK PIBG SM St. Anthony Tahun 2018/2019

Yang Dipertua : Encik Chia Sia Theng

Naib YDP : Encik Jeffery Philimon

Setiausaha : Encik Mohd. Khairi Bin Mahady

Bendahari : Dr. Baby Chong Vui Hiong

Pen. Bendahari : Puan Fauziah Binti Henry

AJK : Encik Frankie Tay Kian
Lo

Encik Patrick Chong

Puan Caroline Chanti Udar

Puan Lorita Benjamin

Puan Angelona Voon

Puan Murni Binti Alkin

Puan Roziah Abdul Rahman

Encik Jayastine A. John

Encik Yee Choon Hian

Puan Leberie @ Liberiah H Dalus

Dalam ucapan penangguhan , En. Chia Sia Teng, selaku Yang Dipertua PIBG yang baru, beliau berharap PIBG pada tahun ini akan dapat berjalan dengan lancar sekiranya semua ibu bapa dan guru dapat berganding bahu dan memberikan kerjasama yang baik dalam program yang dijalankan. Beliau yakin bahawa SAS akan mampu melakar kejayaan di dalam bidang akademik dan kokurikulum pada masa akan datang.

Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip

SAS Berjaya Menganjurkan Kem Nadwah Kepimpinan Islam Di W.P Labuan 2018



9 Mac 2018-Labuan, Jabatan Pendidikan Labuan telah menganjurkan Kem Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah (NKISM) dan Kem Ibadah Sekolah Rendah (KISS) di Masjid Sultan Mohamad Ke-5 , Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2018. Pihak JPWPL telah memberi kepercayaan dan telah melantik SM St. Anthony sebagai tuan rumah bagi sekolah menengah manakala SK Pekan 2 sebagai tuan rumah bagi sekolah rendah. Kem ini telah melibatkan 9 buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program ini telah diadakan selama dua hari iaitu bermula pada 8 Mac hingga 9 Mac 2018 iaitu bersamaan pada hari Khamis dan Jumaat. Selain itu, program ini diadakan bagi mencari dan mencungkil bakat para pelajar dalam

melahirkan kepimpinan di kalangan murid. Maka, program ini telah mensasarkan kepada murid Sekolah Rendah dan Sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kem Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah ini telah dirasmikan oleh yang berbahagia Ustaz Mohd Shahir Bin Mohd Yusuf selaku Ketua Unit Pendidikan Islam, JPN W.P Labuan . Majlis turut dihadiri oleh Ustazah Hajah Vivi Erma Binti Abdullah iaitu Penyelia Unit Pendidikan Islam, En. Jaafar Matusin Guru Besar SK Pekan 2, Pn. Siti Rahimah Binti Suhaimi wakil rasmi Pengetua SM St. Anthony selaku Guru Kanan Bidang Votek, Awangku Bulhizam Ahmad Thani selaku Pengerus Masjid Sultan Mohamad Ke-5, guru-guru SAS, guru-guru SK Pekan 2, guru-guru pengiring sekolah rendah dan menengah serta peserta KISS dan NKISM.

Encik Sabri Bin Nullah selaku Kem Komandon , program NKISM menyatakan beliau berasa amat bersyukur kerana semua aktiviti yang telah dirancang berjalan dengan lancar dan semua peserta NKISM telah mengikuti ativiti dengan jayanya. Beliau juga berharap sepanjang kem ini dijalankan semua peserta dapat mencapai objektif seperti meningkatkan keyakinan diri, menguji ketahanan fizikal dan mental serta melatih sikap kepimpinan dalam diri setiap pelajar.

Dalam kem tersebut, terdapat 8 orang pelajar yang terbaik dan akan mewakili WP Labuan ke Peringkat Kebangsaan iaitu di negeri Pulau Pinang untuk kategori NKISM dan KISS. Peserta yang mewakili bagi kategori NKISM ialah adik Rafieq Rafizie Nur Sha S. Roslee dari SMK Labuan, adik Mohamad Ilham Ang Bin Abdullah dari SMK Taman Perumahan Bedaun, Manisha Vanida dari SM St. Anne dan Adik Syamimi Sabdin dari SMK Pantai. Manakala wakil bagi KISS ialah adik Ahmad Naquib Bin Syahmun dari SK Lubuk Temiang, Muhammad Bin Hazmi dari Sk Pekan Dua, adik Saidatul Nazwah Binti Mohamad Kudat dari SK Sg. Bedaun

dan adik Nursahira Binti MD Imran dari SK SG Lada.

Menurut Sabri Bin Nullah, beliau mewakili SM St. Anthony merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Unit Pendidikan Islam kerana sudi memberi kepercayaan kepada sekolah SAS untuk menjadi pengelolah bagi kem Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah pada tahun ini. Beliau juga turut memohon maaf diatas kekurangan dalam menganjurkan program ini dan beliau juga megucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kem Nadwah ini kerana dapat berjalan dengan lancar.

Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip

Kemenjadian Murid Perlu Seimbang, Sukan Olahraga SMK Lajau 2018



LABUAN: Kejohanan Sukan Olahraga SMK Lajau telah diadakan pada 03 dan 04 Mac 2018 bertempat di Kolej Matrikulasi Labuan.

Kejohanan Sukan Olahraga ini telah dijayakan oleh 150 orang pelajar yang mengambil bahagian dalam pelbagai acara balapan seperti lari pecut 100 meter dan 200 meter serta larian jarak jauh 800 meter dan 1500 meter.

Manakala peserta perbarisan pula terdiri daripada 185 orang pelajar. Selain itu, pada hari kemuncak kejohanan diadakan juga acara terbuka untuk warga PIBG yang hadir menyaksikan anak-anak mereka bertanding dan acara terbuka khas untuk murid-murid istimewa dari **kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**.

Objektif Kejohanan Sukan Olahraga ini diadakan bertujuan untuk memilih peserta dan pasukan sekolah bagi pertandingan ke peringkat negeri yang dijadualkan pada hujung bulan Mac ini.

Selain itu, kejohanan ini diadakan untuk memperkembangkan potensi murid dalam sukan olahraga dan sebagai pendedahan

kepada murid situasi sebenar pertandingan pada peringkat yang lebih tinggi.

Acara kejohanan yang dipertandingan menerusi lima buah rumah sukan ini iaitu Perdana, Satria, Wira, Inspira dan Waja mendapat sambutan yang baik dari semua murid SMK Lajau. Bagi acara padang, telah dilaksanakan di padang sekolah SMK Lajau pada 02 Mac 2018.



Acara perbarisan lintas hormat rumah sukan

Kejohanan Sukan Olahraga di SMK Lajau pada tahun ini dijayakan dengan kerjasama padu oleh 60 orang guru dan 12 orang kakitangan sokongan yang bergabung tenaga membentuk jawatankuasa yang mantap disamping kerjasama erat ahli jawatankuasa PIBG SMK Lajau.

Terdapat beberapa atlet yang telah berjaya memecahkan rekod terbaharu bagi beberapa acara. Antaranya ialah acara lompat jauh yang berjaya dipecah rekod oleh adik Mohd Abri Mohd Salleh dari rumah sukan Inspira. Rekod lama bagi acara tersebut ialah 5.36 meter manakala rekod terbaharu yang dicipta oleh murid ini ialah 5.65 meter.

Manakala adik Dayangku Nur Lailatul Fatimah pula berjaya

mencipta rekod terbaharu bagi acara lari jarak jauh 1500 meter dengan catatan masa terbaharu 7 minit 26 saat berbanding rekod lama 7 minit 33 saat.

Rumah sukan Waja telah menyandang johan keseluruhan Kejohanan Sukan Olahraga pada tahun 2018 diikuti rumah sukan Satria tempat kedua, rumah sukan Wira tempat ketiga, rumah sukan Perdana tempat keempat dan rumah sukan Inspira tempat kelima.

Kemenangan ini menjadi suntikan semangat kepada semua murid di SMK Lajau untuk terus bersaing secara sihat sesama mereka dalam acara sukan.



Encik Dahlan Kassim (PK kokurikulum) menyampaikan hadiah kemenangan kepada peserta kejohanan sukan olahraga

Dalam ucapan aluan Pengetua SMK Lajau Encik Mohd Jamatin Abd Latip menyentuh tentang kemenjadian murid bukan sahaja dalam akademik malah dalam sahsiah dan sukan juga perlu diseimbangkan.

Beliau sangat terharu dan berterima kasih kepada semua pelajar SMK Lajau yang menunjukkan disiplin yang sangat tinggi ketika berada di Kolej Matrikulasi Labuan dalam

kejohanan sukan olahraga pada tahun ini. Beliau mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Kejohanan Sukan Olahraga SMK Lajau kali ke-21.

Pada hari kemuncak Kejohanan Olahraga SMK Lajau Kali Ke 21/2018, En. Assbollah bin Amit Ketua Sektor , Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah merasmikan kejohanan ini.

Dalam ucapan perasmiannya, beliau menyeru agar semua pelajar terus bergiat aktif dalam bidang sukan bagi melahirkan lebih ramai pelapis sukan dalam acara olahraga terutamanya sebagai pengganti para atlet yang ada pada masa kini.

Berita Oleh : SMK Lajau

**Pelancaran FROG VLE di SK
Pekan Satu Merupakan Titik
Permulaan Kearah
Pembelajaran Abad ke21**



Labuan – Pada 9 Mac 2018 Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah melancarkan Majlis Pelancaran FROG VLE yang diadakan di Dewan Cun SKPS. Majlis yang dirasmikan oleh Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S.Azman ini bertujuan untuk membugarkan dan memupuk pembudayaan FROG VLE sebagai platform PdPc dan aktiviti yang interaktif. Dengan tema ‘Learning Beyond Boundaries’ seharusnya PdPc menggunakan FROG VLE telah merentas kurikulum, bercirikan PdP abad ke-21 dan bersesuaian dengan aspirasi KPM untuk melahirkan warga guru dan murid yang mampan dan berkualiti tinggi.

Majlis pelancaran ini telah dipengacarakan oleh Cikgu Mohd Izuan Anuar sebagai penyelaras Unit ICT . Aturcara majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Guru Besar Puan Anita Shyamini. Dalam ucapan beliau ada mengalakkan murid agar menggunakan Frog VLE dan sentiasa berdampingan dengannya kerana di dalam Frog VLE terdapat kuiz dan maklumat ilmu yang boleh dimanfaatkan seperti kuiz daripada FrogPlay, melawati laman Pengajaran dan

Pembelajaran yang disediakan guru, ruangan hiburan dan lain-lain lagi.



Seiring dengan abad ke 21 ini, para guru digalakkan agar dapat memanfaatkan Frog VLE sebaik mungkin. Frog VLE merupakan platform yang termudah dan terhampir untuk guru yang cuba untuk melakukan perubahan daripada guru tradisional kepada guru abad ke 21. Semuanya terletak di atas kehendak dan keinginan guru itu sendiri.

Majlis pelancaran telah mendapat sambutan yang baik daripada murid-murid SKPS terutamanya ketika pelancaran gimik yang kreatif daripada guru-guru PPKI .

Dalam ucapan Guru Besar Pn Anita , beliau menyatakan ,

' Para guru dan pelajar boleh mengakses berita sekolah dan dokumen penting yang telah dikemaskinikan oleh pentadbir sekolah. Menerusi Frog VLE dan sambungan

internet 4G, pendidikan boleh dilaksanakan di mana jua, pada bila-bila masa melalui Frog VLE yang berasaskan cloud. Dengan ini, pembelajaran boleh dilaksanakan di mana-mana: di sekolah ataupun di rumah, 24 jam sehari, 7 hari seminggu.'

Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) berharap bahawa dengan adanya Frog VLE, ia dapat mengalakkan inovasi dan kreativiti guru-guru dan murid-murid . Selain itu , dapat mengalakkan ibubapa mengakses kemudahan yang disediakan dalam Frog VLE .



Sumber berita : Erlia Febiana

Sukan SK Sungai Lada Kali Ke-44 Meriah



LABUAN, 4 Mac – SK Sungai Lada telah menganjurkan Kejohanan Sukan Tahunan kali Ke-44 yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 28 Februari bagi acara padang dan 4 Mac bagi acara balapan yang dijalankan di padang sekolah SK Sungai Lada.

Sukan Tahunan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menggalakkan murid bersukan serta memupuk semangat berpasukan selain bagi memilih murid untuk mewakili sekolah dalam acara sukan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain acara sukan, aktiviti lain anjuran PIBG turut dijalankan iaitu pertandingan mewarna Prasekolah, Tahun 1 dan Tahun 2, Pertandingan khemah rumah sukan tercantik, Tarik tali ibu bapa dan guru, serta pembukaan gerai jualan kepada orang ramai.

Kejohanan ini turut membabitkan penglibatan Bank Rakyat dalam menaja pertandingan mewarna.

Majlis perasmian kejohanan sukan tahunan kali ini disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin.

Tuan Pengarah turut menyaksikan acara balapan serta lintas hormat daripada kontinjen-kontinjen perbarisan. Dalam ucapan perasmian penutupan beliau, Tuan Pengarah memuji semangat kerjasama antara guru dan ibu bapa dalam memeriahkan acara sukan pada tahun ini.

Menurut beliau hubungan antara sekolah dan komuniti Sungai Lada dapat dieratkan melalui program-program seperti ini. Beliau turut menyatakan bahawa jalinan pihak sekolah dgn PIBG boleh dijadikan contoh kepada sekolah lain. Sukan ini dapat mengembalikan kemariahan pesta sukan di tahun 70an dan 80an.



Guru Besar SK Sungai Lada, Encik Maidan Dali @ Sumardi

bin Yusoff pula menyatakan bahawa penganjuran kejohanan sukan tahunan ini menepati anjakan ke 9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu menjalin kerjasama dengan ibubapa, komuniti dan sektor swasta.

Yang Dipertua PIBG SK Sungai Lada, Haji Shuib Nasir berkata PIBG akan sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama setiap aktiviti dan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Turut menghadiri majlis ini ialah Tuan Haji Yunus bin Yusof, pegawai angkat SK Sungai Lada, Hj Shuib Bin Nasir, YDP PIBG SK Sungai Lada, Encik Mazidi bin Rosli, Pegawai Bomba Layangan, serta Sarjan Zulkifle bin Mohd Said, Pegawai Perhubungan Sekolah dari IPD Labuan.

Dalam kejohanan ini, Rumah Temenggung muncul johan keseluruhan dengan meraih 13 emas, 11 perak dan 13 gangsa. Naib johan dan ketiga masing-masing dimenangi Rumah Bendahara dan Rumah Laksamana. Sementara itu, Olahragawan dimenangi oleh atlet Rumah Laksamana, Abdullah Md Nor selepas meraih 2 emas dan 1 perak. Manakala gelaran Olahragawati dinobatkan kepada Nasitah Nor Ibnu yang mewakili Rumah Temenggung selepas meraih 3 emas.

Berita Oleh : SK Sungai Lada

Kejohanan Olahraga SAS Kali Ke-58 Tahun 2018



LABUAN, Sabtu – Sekolah Menengah St. Anthony telah mengadakan Kejohanan Olahraga selama dua hari berturut-turut iaitu pada 23 hingga 24 Februari 2018 bersamaan pada hari Jumaat dan Sabtu . Acara diadakan di Kolej Matrikulasi Sukan, W.P Labuan. Manakala bagi acara lompat jauh, lompat tinggi, lompat kijang, lempar cakera dan lontar peluru bagi semua kategori iaitu (L18,P18,L15 dan P15) telah diadakan pada hari Rabu dan Khamis iaitu bersamaan dengan 21 hingga 22 Februari 2018 di padang sekolah SAS.

Kejohanan Olahraga kali ini dimeriahkan dengan persembahan tarian Singa sebagai penanda perasmian. Diikuti dengan perbarisan lintas hormat kontinjen rumah-rumah sukan iaitu rumah Sukan Waja, rumah Sukan Wira dan rumah Sukan Satria. Pertandingan perbarisan menarik perhatian para hadirin dengan pelbagai maskot dari setiap rumah sukan.



Persembahan tarian Singa sebagai penanda perasmian kejohanan olahraga SAS

Sejurus saja acara perbarisan telah selesai dilaksanakan, acara seterusnya disambung dengan acara balapan iaitu acara 4 X 100 meter bagi semua kategori (L18, P18, L15 dan P15 tahun) dan acara 8 X 50 meter bagi acara pelajar tingkatan satu untuk kategori pelajar perempuan dan Lelaki mengikut rumah sukan masing-masing. Persaingan antara rumah-rumah sukan amat sengit kerana masing-masing bersemangat mengejar mata bagi pingat emas.

Kejohanan Olahraga kali ke-58 ini telah dirasmikan oleh yang berbahagia Puan Amiah Binti Bua selaku Penolong Pengarah Unit Bahasa, SPA, JPN W.P Labuan . Pn Amiah yang juga merupakan Pegawai Angkat sekolah menyeru para pelajar agar bergiat aktif dalam bidang sukan kerana kokurikulum juga sama penting dengan bidang akademik dalam membentuk insan yang holistik seperti mana matlamat pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025). Majlis turut dihadiri oleh Encik Chia Sia Teng, Yang Dipertua PIBG SM St. Anthony,

IR.Friddy Fu, Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah SAS, Puan Nurul Hidayah Binti Raof, Ketua Unit Kokurikulum wakil rasmi Pengarah Kolej Matrikulasi, Sarjan Jusman Bin Toba wakil perhubungan sekolah dan barisan AJK PIBG, AJK BOG, guru-guru SAS dan para ibu bapa pelajar SAS .

Kejohanan Olahraga kali ini dijuarai oleh pasukan rumah sukan Waja yang telah memecah rekod kejuaraan rumah sukan Wira buat kali kedua berturut-turut. Seterusnya naib johan pasukan rumah sukan Wira dan tempat ketiga adalah pasukan rumah sukan Satria.

Pungutan pingat pasukan rumah sukan Waja adalah sebanyak emas 20 , perak 27 dan gangsa 24 iaitu menang tipis dengan rumah sukan Wira. Manakala rumah sukan Wira telah mengumpul sebanyak emas 20, perak 9 dan gangsa 18. Kutipan pingat untuk rumah sukan Satria adalah emas 17, perak 20 dan gangsa 13.

Bagi acara perbarisan pula, rumah Sukan Satria yang bertemakan naga telah dinobatkan sebagai Johan diikuti oleh rumah Sukan Waja sebagai naib johan dan tempat ketiga adalah Rumah Sukan Wira.

Bagi anugerah olahragawan kategori lelaki 15 tahun kebawah telah di anugerahkan kepada adik Mohd Halim Bin Jumat dari rumah sukan Waja yang memperolehi 4 pingat emas dan 1 perak melalui acara individu iaitu lompat jauh, 400m dan 800m, manakala melalui acara kumpulan ialah 4x400m dan pingat perak dalam acara 4x100m. Manakala olahragawan kategor lelaki 18 tahun ke bawah telah di anugerahkan kepada adik Alster De Caprio dari rumah Sukan Satria yang telah memperoleh pungutan pingat 3 emas dan 1 perak melalui acara individu iaitu 100m dan merejam lembing serta pingat perak dalam acara lompat tinggi, serta melalui acara kumpulan 4X100m.

Bagi anugerah olahragawati kategori perempuan 15 tahun ke

bawah pula telah dianugerahkan kepada Mala Fazira Ak Jerah dari rumah Sukan Wira yang memperolehi 4 pingat emas melalui acara individu iaitu 100m, 200m dan lompat jauh manakala serta acara kumpulan ialah 4x100m. Manakala Olahragawati kategori perempuan 18 tahun ke bawah pula telah dianugerahkan kepada adik Stefiana Tai dari rumah Sukan Waja yang memperolehi 4 pingat emas melalui acara individu iaitu acara 800m,1500m dan bagi acara berkumpulan 4 X 100m dan 4X400m.

Acara yang menarik perhatian penonton ialah acara terbuka antara guru dan ibu bapa dalam acara 4 X 100M. Acara ini dijuarai oleh pasukan guru-guru muda yang diketuai oleh Pn. Kastini Kassim.

Mengakhiri kejohanan olahraga kali ini Pengetua sekolah Puan Dona Undoh mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua atlit yang berjaya dan akan mewakili sekolah ke kejohanan olahraga MSSWPL yang akan diadakan pada bulan Mac. Beliau menyatakan kejohanan olahraga merupakan arena terbaik untuk guru-guru mencipta kreativiti memacu semangat pelajar, manakala para pelajar pula berpeluang bergaul , mengerah tenaga melepaskan beban emosi dengan berlari, melompat sederas yang mungkin ,maka akan terciptalah momentum yang dapat menjana tenaga dalaman seterusnya menjadi juara. Jika tewas dalam sebarang acara semangat bersukan itu pasti akan menjadikan pelajar seorang yang berfikiran terbuka dengan menyimpulkan bahawa hidup adalah perjuangan dan perlumbaan, hanya yang berusaha, berdoa pasti akan berjaya.

Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip